

Teks Ucapan

Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima

Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

Majlis Perasmian Siaran KKFM

01 Julai 2010

Bimillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berusaha Pegawai-pegawai Utama UMS

Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu, saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menyaksikan satu lagi coretan bersejarah di Universiti Malaysia Sabah iaitu majlis Pelancaran Siaran Rasmi Radio UMS KKFM.

Seperti yang kita sedia maklum, penubuhan sebuah radio kampus di universiti ini sememangnya telah dirancang sejak sekian lama. Namun atas beberapa kesulitan yang dihadapi, penubuhannya telah menghadapi sedikit kelewatan. Walau bagaimanapun, saya sangat berbangga kerana radio ini telah berjaya bersiaran meliputi seluruh Bandaraya Kota Kinabalu.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat khususnya Ketua Bahagian Perhubungan Korporat, Encik Samasuddin Hj. Yusop kerana berjaya memikul tanggungjawap dan mengharungi pelbagai cabaran dalam usaha merealisasikan radio kampus ini. Saya difahamkan beliau bersama kakitangannya telah bertungkus-lumus siang malam untuk mencapai kejayaan sejauh ini. Tahniah diucapkan sekali lagi.

Para hadirin sekalian,

Radio merupakan media massa yang dilihat berkesan dalam menyebarkan pelbagai maklumat kepada orang ramai khususnya golongan generasi muda pada masa kini. Menyedari akan kepentingan peranan sesebuah radio, pihak Universiti Malaysia Sabah telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sebuah radio kampus yang dilihat mampu memberi impak besar terhadap perkembangan universiti.

Selain bertujuan sebagai medan penyalur maklumat kepada warga universiti dan masyarakat setempat, radio ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman dalam bidang penyiaran kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi UMS. Malah radio ini juga turut menggunakan khidmat para pelajar dalam proses kendaliannya yang pada hemat saya pasti akan membawa mereka untuk pergi lebih jauh dan lebih berdaya saing apabila tamat pengajian kelak.

Saya percaya melalui radio KKFM ini juga pelbagai impak lain akan turut dikecapi. Umpamanya hubungan sesama warga UMS akan terus terjalin erat. Manakala hubungan UMS dengan masyarakat luar pula akan sentiasa berada dalam suasana penuh kemesraan. Ia kerana format rancangan atau pengisian segmen dalam radio ini adalah berbentuk interaktif dan menghiburkan yang pasti mendapat penglibatan aktif daripada para pendengar.

Harapan saya agar radio ini akan terus bergerak maju ke hadapan sebagai antara tonggak pamacu kecemerlangan pendidikan UMS selaras dengan agenda pembangunan negara pada masa kini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat bagi memastikan kejayaan penubuhan Radio UMS KKFM, radio kampus yang pertama di negeri Sabah.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini melancarkan Siaran Rasmi Radio KKFM.

Sekian, terima kasih.

*Oleh Salbinous Saribun (Leo) BPK*